

Sekretariat wanita Islam ditubuh

B.H. 21/06/08 M153

Badan berperanan sebagai pusat pembelaan terutama berkaitan perundangan syariah

Oleh Azrina Ahzan

PUTRAJAYA: Kerajaan semalam bersetuju menubuhkan Sekretariat Wanita dan Keluarga Islam bagi menyelaras segala program bantuan kepada wanita Islam di negara ini, kata Penasihat Hal Ehwal Pembangunan Wanita dan Sosial, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Beliau berkata, sekretariat yang diletakkan di bawah Pejabat Perdana Menteri itu akan berperanan sebagai pusat pembelaan wanita Islam, khususnya berhubung isu membabitkan aspek perundangan syariah.

Katanya, peranan sekretariat itu

“Saya akan mengadakan perbincangan dengan semua NGO wanita Islam bagi merangka penubuhan sekretariat ini sebelum dikemukakan kepada Perdana Menteri minggu depan”

Shahrizat Abdul Jalil
Penasihat Hal Ehwal Pembangunan
Wanita dan Sosial

tidak akan bertindih dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana ia akan memberi tumpuan khusus kepada wanita Islam.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bersetuju untuk menjadi penaung sekretariat yang bakal diletakkan di bawah bidang kuasa pejabat Penasihat Hal Ehwal Pembangunan Wanita dan Sosial.

"Sehubungan itu, saya akan mengadakan perbincangan dengan semua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) wanita Islam bagi merangka penubuhan sekretariat ini sebelum dikemukakan kepada Perdana Menteri minggu depan," katanya selepas sesi pertemuan antara Perdana Menteri dengan 76 NGO wanita dan kebajikan Islam di sini, semalam.

Hadir sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi; Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz; Presiden Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO), Prof Datuk Dr Sharifah Hafsa Syed Hassan Shahabudin; wakil Majlis Penasihat Pembangunan Wanita Negara (Naciwid), Prof Datuk Dr Nik Safiah Abdul Karim dan Naib Canselor Universiti Malaya, Prof Datuk Rafiah Salim.

Pada masa sama, Shahrizat berkata, beliau akan bekerjasama dengan Ahmad Zahid selaku menteri yang bertanggungjawab dengan hal ehwal Islam di negara ini bagi merangka pelan strategik menentukan



BINCANG ISU: Abdullah bersalaman dengan tetamu pada pertemuan dengan NGO wanita dan kebajikan Islam, sambil diperhatikan Shahrizat (kiri) dan Ahmad Zahid (dua dari kanan), di Putrajaya, semalam.

hala tuju wanita Islam di negara ini.

Mengenai sesi pertemuan lebih sejam itu, beliau berkata, antara isu yang dibangkitkan ialah soal pelaksanaan dasar berhubung perceraian,

tuntutan nafkah dan harta sepencaharian di mahkamah syariah yang diperjuangkan sebahagian besar NGO wanita Islam sejak sekian lama.

"Kita mempunyai pelbagai dasar

tetapi gagal dikuatkuasakan. Oleh itu, sudah tiba masa untuk kita mempertingkatkan aspek pelaksanaan bagi membela nasib wanita Islam di negara ini," katanya.